

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MINAT KEMASUKAN PELAJAR KE KOLEJ KOMUNITI KOTA MARUDU

FACTORS INFLUENCING STUDENT ENROLLMENT INTEREST IN KOLEJ KOMUNITI KOTA MARUDU

Norinah Garangon¹
Subir Musta²

¹ Kolej Komuniti Kota Marudu (E-mail: norinahg74@gmail.com)

² Kolej Komuniti Kota Marudu (E-mail: subir@polikk.edu.my)

Article history

Received date : 2-3-2026
Revised date : 3-3-2026
Accepted date : 10-4-2026
Published date : 15-4-2026

To cite this document:

Garangon, N., & Musta, S. (2026). Faktor yang mempengaruhi minat kemasukan pelajar ke Kolej Komuniti Kota Marudu. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 9 (29), 66 – 71.

Abstrak: *Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pendaftaran kemasukan pelajar ke Kolej Komuniti Kota Marudu. Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif, kajian ini melibatkan soal selidik yang diedarkan secara dalam talian. Seramai 65 responden dalam kalangan ahli komuniti Kota Marudu telah memberikan maklum balas. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif regresi linear untuk mengenal pasti hubungan antara faktor-faktor tersebut dan keputusan pendaftaran. Hasil kajian mendapati bahawa faktor Kajian ini mendapati bahawa faktor pengetahuan kewujudan kolej, peluang kerjaya serta kemudahan dan akses di kolej mempengaruhi minat belajar di Kolej Komuniti Kota Marudu. Kajian ini mencadangkan agar pihak pengurusan kolej meningkatkan kemudahan yang disediakan dan memperkukuhkan promosi tentang program-program yang ditawarkan bagi menarik lebih ramai pelajar untuk mendaftar di Kolej Komuniti Kota Marudu.*

Kata kunci: *pendaftaran kemasukan, faktor pengaruh, Kolej Komuniti Kota Marudu.*

Abstract: *This study aims to identify factors that influence student enrolments at Kota Marudu Community College. This study uses a quantitative approach and an online questionnaire. A total of 65 respondents from the Kota Marudu community have provided feedback. The data obtained were analysed using descriptive statistics of linear regression to identify the relationship between these factors and enrolment decisions. The study found that knowledge of the college's existence, career opportunities, and facilities and access at the college influence interest in studying at Kota Marudu Community College. This study suggests that the college management should improve the facilities provided and promote the programs offered to attract more students to enrol at Kota Marudu Community College.*

Keywords: *enrollment, influencing factors, Kota Marudu Community College.*

Pengenalan

Universiti atau kolej memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan pelajar. Institusi ini mempengaruhi aktiviti harian pelajar, persepsi keseluruhan dan sumbangan mereka kepada pengetahuan jangka panjang, dan menerapkan nilai-nilai kerjaya yang boleh dicerminkan oleh pengalaman universiti dan prestasi akademik mereka (Spearman et al., 2016). Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi seseorang untuk belajar di sebuah universiti atau kolej. Kajian yang dijalankan oleh Chhor et al. (2024) mendapati bahawa empat faktor penting yang mempengaruhi keputusan pendaftaran iaitu pengaruh ibu bapa, perspektif peluang kerjaya, sokongan keluarga dan ciri-ciri peribadi. Sebaliknya, reputasi universiti dan aspek pelbagai disiplin tidak menunjukkan kesan yang signifikan secara statistik. Sementara itu, Somantri et al., (2025) mendapati bahawa faktor yang mempengaruhi niat pelajar untuk mendaftar di salah satu institusi di Indonesia iaitu Institusi Pengajian Tinggi Muhammadiyah ialah imej dan ciri-ciri pelajar institusi pengajian tinggi. Dapatan ini turut menjelaskan pentingnya institusi pendidikan membina imej positif dan reputasi institusi sebagai strategi yang berkesan untuk menarik pelajar.

Walau bagaimanapun, terdapat konsensus umum mengenai kepentingan beberapa faktor dalam proses pemilihan universiti. Ini termasuk yuran universiti, lokasi geografi, kualiti pendidikan dan pengajaran, reputasi institusi dan lokasi institusi yang baik, peluang biasiswa, kualiti dan penyelenggaraan kemudahan, prospek pekerjaan selepas tamat pengajian, dan pengaruh rangkaian sosial (Dimali et al., 2023; Zyberaj et al., 2025). Berdasarkan kepada senario ini, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti apakah faktor yang mempengaruhi minat untuk belajar di Kolej Komuniti Kota Marudu. Kajian ini penting untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan pelajar dalam memilih untuk melanjutkan pengajian di Kolej Komuniti Kota Marudu, agar pihak pengurusan kolej dapat memperbaiki strategi pemasaran dan penawaran program. Selain itu, kajian ini dapat membantu pihak kolej dalam meningkatkan aksesibiliti dan kemudahan bagi menarik lebih ramai pelajar, terutamanya dari kalangan komuniti setempat.

Sorotan Kajian

Terdapat banyak kajian dijalankan untuk mencari faktor utama pemilihan kolej (Husin & Nor, 2018; Jama'in, 2016, Sadjail et al., 2022; Zulkifli, 2018). Menurut Chavan dan Mehta (2024), pilihan pelajar untuk pendidikan tinggi dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Para penyelidik mengenal pasti beberapa faktor penting, termasuk yuran pendaftaran, infrastruktur akademik, pengaruh psikologi luaran dan dalaman, impak kewangan, aspek pedagogi dan lain-lain. Sebaliknya, kajian Haniya & Said (2022) menggariskan peranan penting kualiti, imej dan reputasi universiti dalam membentuk pilihan pemilihan universiti pelajar. Seperti yang ditunjukkan oleh Wijesinghe et al. (2023), sistem pendidikan di pelbagai negara di seluruh dunia boleh dianggap inklusif dan juga berdaya saing. Kajian Harahap et al. (2023) juga menunjukkan bahawa imej universiti dan kualiti pensyarah mempunyai pengaruh terhadap keputusan pelajar untuk memilih kampus. Dapatan kajian Por et al. (2024) menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti pengaruh ibu bapa atau penjaga, cadangan guru sekolah menengah, kualiti graduan, cadangan rakan sekerja, lokasi, yuran sekolah, persekitaran pembelajaran dan reputasi universiti merupakan pertimbangan penting dalam proses membuat keputusan pelajar apabila memilih universiti. Sementara itu, kajian Connie et al. (2022) menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara program, reputasi universiti, peluang pekerjaan, harga, keselamatan, pendidikan dan kemudahan kampus, acara, lokasi, rakan sebaya, bimbingan, kepuasan dan pilihan kolej.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif. Kajian ini terdiri daripada 65 ahli komuniti Kota Marudu. Data di kumpul melalui soal selidik yang diedarkan secara dalam talian. Item kajian telah melalui semakan pakar yang terdiri daripada pensyarah pemegang Phd. Di samping itu, nilai Cronbach alpha memperoleh nilai 0.922, yang menunjukkan bahawa item kajian memperoleh nilai kebolehpercayaan item yang tinggi. Responden akan memberikan jawapan berdasarkan, 5-skala bermula 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga 5 (Sangat Setuju). Data kajian ini dianalisis menggunakan teknik analisis deskriptif dan regresi linear menggunakan perisian statistik SPSS. Penentuan tahap berdasarkan skor min adalah merujuk kepada kajian Ngadiman et al. (2019). Manakala analisis regresi linear, hubungan antara pemboleh ubah akan ditentukan melalui nilai-*p*. Nilai-*p* yang lebih kecil daripada 0.05 akan dianggap mempunyai hubungan antara pemboleh ubah bebas iaitu minat belajar atau menghantar anak belajar di Kolej Komuniti Kota Marudu.

Hasil Kajian

Latar belakang responden

Jadual 1: Latar belakang responden

	Item	n	%
Jantina	Lelaki	20	30.8
	Perempuan	45	69.2
Umur	18-24	11	16.9
	25-34	15	23.1
	35-44	18	27.7
	45-54	16	24.6
	55 ke atas	5	7.7
Pendidikan	Diploma	21	32.3
	Ijazah Sarjana	2	3.1
	Ijazah Sarjana Muda	18	27.7
	SPM	19	29.2
	UPSR	5	7.7
Pekerjaan	Bekerja di sektor kerajaan	19	29.2
	Bekerja di sektor swasta	6	9.2
	Bekerja sendiri	21	32.3
	Bersara	2	3.1
	Pelajar	12	18.5
	Tiada pekerjaan	5	7.7
Status ahli komuniti	Ahli komuniti setempat	14	21.5
	Ibu bapa / penjaga	12	18.5
	Lain-lain	38	58.5
	Pemimpin masyarakat	1	1.5
Pendapatan	Kurang daripada RM2,000	30	46.2
	RM2,001 – RM4,000	19	29.2

	RM4,001 – RM6,000	7	10.8
	RM6,001 – RM8,000	4	6.2
	RM8,001 ke atas	5	7.7
Mempunyai anak atau ahli keluarga yang belajar di Kolej Komuniti Kota Marudu?	Tidak	45	69.2
	Ya	20	30.8

Latar belakang responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Data ini menunjukkan bahawa majoriti responden adalah daripada perempuan (69.2 peratus), dengan usia antara 25 hingga 44 tahun (27.7 peratus). Majoriti responden memiliki sijil SPM sehingga ijazah sarjana muda. Sebahagian besar responden bekerja di sektor kerajaan atau bekerja sendiri, manakala ada juga yang merupakan pelajar atau tiada pekerjaan. Dari segi pendapatan, kebanyakan responden berpendapatan kurang daripada RM2,000, menunjukkan bahawa mereka mungkin memerlukan sokongan kewangan untuk melanjutkan pendidikan anak mereka. Sementara itu majoriti responden (69.2 peratus) tidak mempunyai anak atau ahli keluarga yang belajar di kolej tersebut.

Faktor yang mempengaruhi minat belajar di Kolej Komuniti Kota Marudu

Jadual 2: Hasil Analisis Regresi Linear

Bil	Faktor (Pemboleh ubah bersandar)	S.P	Beta	Nilai-t	Nilai-p	Sig.
1	Faktor pengetahuan kewujudan kolej	0.087	0.294	2.933	0.005	Sig.
2	Faktor maklumat dan promosi	0.108	0.082	0.667	0.508	-
3	Faktor persepsi ibu bapa / masyarakat	0.112	-0.015	-0.124	0.902	-
4	Faktor peluang kerjaya	0.151	0.463	3.198	0.002	Sig.
5	Faktor kemudahan dan akses	0.098	0.274	2.951	0.005	Sig.

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis regresi linear untuk mengenal pasti manakah faktor yang mempengaruhi minat untuk menghantar anak belajar atau belajar sendiri (sekiranya mereka adalah pelajar). Analisis regresi menunjukkan bahawa tiga faktor yang mempengaruhi minat pelajar untuk belajar di Kolej Komuniti Kota Marudu. Faktor pertama, iaitu pengetahuan kewujudan kolej, menunjukkan hubungan yang signifikan dengan minat belajar di kolej ($\beta = 0.294$, $t(0.005) = 2.933$). Faktor ini menunjukkan bahawa pengetahuan tentang kewujudan kolej memberi impak positif terhadap minat pelajar. Faktor kedua, maklumat dan promosi, tidak menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap minat pelajar ($\beta = 0.082$, $t(0.508) = 0.667$). Ini menunjukkan bahawa maklumat dan promosi yang diberikan sama ada mencukupi atau tidak cukup berkesan tiada mempengaruhi menarik minat pelajar. Faktor ketiga, persepsi ibu bapa/masyarakat, juga tidak memberi pengaruh yang signifikan ($\beta = -0.015$, $t(0.902) = -0.124$). Namun, peluang kerjaya ($\beta = 0.463$, $t(0.002) = 3.198$) menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap minat belajar di institusi ini (nilai $p < 0.05$), menunjukkan bahawa peluang pekerjaan yang lebih baik selepas tamat pengajian meningkatkan minat pelajar untuk mendaftar di kolej tersebut. Sementara itu, kemudahan dan akses juga mempunyai pengaruh yang

signifikan ($\beta = 0.274$, $t(0.005) = 2.951$). Hasil analisis ini menunjukkan bahawa kemudahan dan akses yang baik sangat penting dalam menarik minat pelajar untuk belajar di Kolej Komuniti Kota Marudu.

Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa faktor pengetahuan kewujudan kolej, peluang kerjaya serta kemudahan dan akses di kolej mempengaruhi minat belajar di Kolej Komuniti Kota Marudu. Penemuan ini menggariskan keperluan institusi pendidikan tinggi untuk mengutamakan sistem sokongan peribadi, inisiatif pembangunan kerjaya dan strategi untuk menangani keperluan pembelajaran seperti kemudahan dan akses di kolej bagi meningkatkan pendaftaran pelajar. Kajian ini mencadangkan supaya institusi ini menilai semula strategi untuk meningkatkan kemasukan pelajar di kolej ini termasuklah memperkukuh strategi penglibatan keluarga dan memperhalusi tawaran universiti agar selaras dengan aspirasi kerjaya dan matlamat peribadi pelajar serta tahap keputusan pelajar selepas tamat sekolah menengah (SPM). Kajian ini juga mencadangkan supaya pemimpin pendidikan tinggi akan lebih memberi perhatian kepada imej kolej dan menawarkan program-program yang boleh memberi peluang kerjaya serta kemudahan dan akses kolej yang dapat membina kepercayaan awam dan bakal pelajar untuk menentukan pilihan tempat untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Rujukan

- Chavan, P., & Mehta, M. (2024). Uncovering Students' Higher Education Institutions Selection: An Investigation Using Factor Analysis and Cluster Analysis. *Journal of Higher Education Policy And Leadership Studies*, 5(1), 74-94.
- Chhor, C., Sek, V., Norng, R., Hoern, S., & Sam, R. (2024). Factors influencing students' enrollment decisions in higher education institutions: a case study of the national university of Battambang. *European Journal of Contemporary Education and E-Learning*, 2(6), 169-186.
- Connie, G. B., Senathirajah, A. B. S., Subramanian, P., Ranom, R., & Osman, Z. (2022). Factors influencing students' choice of an institution of higher education. *Journal of Positive School Psychology*, 6(4), 10015-10043.
- Haniya, O. K., & Said, H. (2022). Influential factors contributing to the understanding of international students' choice of Malaysian higher education institutions: Qualitative study with a focus on expected benefits. *Tuning Journal for Higher Education*, 9(2), 63-97.
- Harahap, D. A., Amanah, D., Gunarto, M., & Purwanto, P. (2023). The Importance Factors That Students Consider in Choosing a University. *Migration Letters*, 20, 341-356.
- Husin, N., & Nor, S. Z. M. (2018). Faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Program Pengajian di IPTS: Kajian di Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor. In *Proceeding of the 5th International Conference on Management and Muamalah*.
- Jama'in, H. B. (2016). Faktor Pemilihan Institusi: Survei Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Mas Gading. In *Prosiding Seminar Penyelidikan Kolej Komuniti Wilayah Sarawak* (p. 80).
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238-254.
- Por, N., Say, C., & Mov, S. (2024). Factors influencing students' decision in choosing universities: build bright university students. *Jurnal As-Salam*, 8(1), 1-15.
- Sadjail, S. I., Sansawi, D. J., & Matolo, M. A. (2022). Factors influencing students in choosing their college course. *Psychology and Education: A Multidisciplinary Journal*, 3(8), 697-700.
- Somantri, A., Pratondo, K., & Asmara, A. Q. (2025). Factors influencing students' intention to enroll at private higher education institution. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 14(1), 289-296.
- Spearman, J. J., Rahim, M. M. A., Ghanayem, S. W., & Ljepava, N. (2016, August). Factors influencing student enrollment and choice of university. In *Proc. 35th Int. Bus. Res. Conf* (pp. 1-14).
- Wijesinghe, D., Ranwala, L., Siriwardena, S., Edirisinghe, L., & Kurukulaarachchi, V. (2023). A Literature Review on Students' University Choice and Satisfaction. *International Journal of Educational Administration and Policy Studies*, 15(2), 71-87.
- Zulkifli, A. Z. B. (2018). Faktor pemilihan politeknik dan diploma kejuruteraan mekanikal (DKM) dalam kalangan pelajar DKM Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). *Journal on Technical and Vocational Education*, 3.
- Zyberaj, F., Dudushi, R., Dervishi, A., Robo, M., Bezhani, V., Smakaj, E., ... & Abazaj, E. (2025). Factors influencing university students' academic program preferences: An analysis of Albanian data. *Acta psychologica*, 258, 105256.